

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YBHG. DATO' DR. MUJAHID YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

**YBhg. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan usaha menghubungkan antara bandar bagi
menggalakkan pertumbuhan ekonomi.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan perhubungan antara kawasan dan wilayah bagi menyokong pembangunan ekonomi yang lebih meluas. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk merapatkan hubungan antara bandar. Antaranya, inisiatif telah diambil untuk menaiktaraf infrastruktur fizikal bagi meningkatkan akses dan ketersambungan melalui program menambahbaik jaringan jalan, membangunkan sistem pengangkutan awam, menaiktaraf infrastruktur logistik serta meningkatkan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi. Sebagai contoh, pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar yang siap pada tahun 2014 mengukuhkan ketersambungan antara bandar di utara Semenanjung dan menyediakan alternatif kepada pengangkutan jalan. Dengan perkhidmatan *Electric Train Service* (ETS) ini, perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh hanya memakan masa 2 jam berbanding 3 jam 30 minit, manakala perjalanan dari Kuala Lumpur ke Padang Besar mengambil masa 5 jam berbanding hampir 11 jam 30 minit sebelum ini jika menggunakan perkhidmatan keretapi ekspres antara bandar.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), infrastruktur pengangkutan sedia ada akan terus dinaik taraf dan infrastruktur baharu akan disediakan mengikut keperluan bagi melancarkan mobiliti orang dan barangan. Fokus akan diberikan untuk menyediakan perkhidmatan yang selamat, cekap dan cepat bagi merapatkan jurang perhubungan

antara bandar serta antara bandar dan luar bandar. Ketersambungan yang baik dari segi infrastruktur pengangkutan ini adalah penting untuk meningkatkan potensi sesebuah bandar untuk berkembang dari segi ekonomi dan sosial.

Keutamaan akan diberikan kepada **pembangunan lebuh raya** baharu yang meningkatkan ketersambungan antara wilayah dan bandar sekaligus bertindak sebagai pemangkin untuk menyokong pertumbuhan ekonomi setempat. Sebagai contoh, pembangunan Lebuh Raya Pan Borneo akan menambah baik ketersambungan antara bandar di Sabah dan Sarawak. Manakala, penerusan pembinaan *Central Spine Road*, Lebuh Raya Pantai Timur dan Lebuh Raya Pantai Barat akan menyediakan akses yang lebih baik kepada penduduk dan memangkin pertumbuhan yang lebih pesat di wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Perkhidmatan rel akan menjadi mod pengangkutan awam bagi menyokong mobiliti antara bandar dan mengurangkan kesesakan jalan raya. Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru akan dilaksanakan dan ia akan menghubungkan bandar-bandar penting di selatan Semenanjung Malaysia. Projek ini, apabila siap kelak akan melipatgandakan kapasiti perkhidmatan keretapi dan merencanakan pergerakan penumpang dan barangan dari Perlis ke Johor. Perkhidmatan rel di pantai timur juga akan diperbaiki dan dinaiktaraf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mod **pengangkutan udara** memainkan peranan yang penting juga dalam memastikan ketersambungan yang baik antara bandar. Permintaan terhadap perkhidmatan udara juga semakin bertambah selaras dengan

peningkatan kualiti hidup rakyat. Sehubungan ini, perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur di lapangan terbang akan ditambah baik mengikut permintaan dan keperluan untuk kemudahan dan keselesaan pengguna. Perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services – RAS*) yang menghubungkan bandar-bandar di pedalaman Sabah dan Sarawak juga akan ditambah baik melalui rasionalisasi laluan serta penggantian jenis pesawat yang lebih moden bagi perkhidmatan tersebut.

Pada masa yang sama, **perkhidmatan bas** yang menyediakan ketersambungan peringkat akhir (*last mile connectivity*) akan juga diberikan penekanan bagi memastikan kelancaran mobiliti antara pelbagai mod. Program Transformasi Bas Henti-henti yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 di Kangar, Perlis akan diperluas ke bandar lain secara berfasa. Di samping itu, pengawalseliaan bas ekspres akan diperkemas bagi memastikan perkhidmatan turut disediakan di laluan-laluan yang tidak begitu popular atau mempunyai permintaan yang rendah bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan untuk kemudahan pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

SOALAN :-

Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan supaya mewujudkan suatu akta yang membenarkan pemaju perumahan menjual rumah-rumah yang telah siap dibina sahaja tidak seperti sekarang demi melindungi pembeli daripada tertipu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk melindungi pembeli-pembeli rumah. Sejak Jun 2015, Kerajaan telah menguatkuasakan beberapa pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) atau Akta 118 bagi menjamin supaya rumah-rumah yang dibina oleh pemaju perumahan berlesen dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di mana pemaju-pemaju yang gagal menyiapkan rumah-rumah dalam tempoh yang ditetapkan boleh didakwa di Mahkamah.

Kementerian juga melaksanakan pemantauan di mana pemaju-pemaju dikehendaki melaporkan kedudukan prestasi kewangan dan kemajuan fizikal projek mereka setiap suku tahun agar projek-projek tersebut tidak menjadi sakit, lewat dan seterusnya terbengkalai.